


# AGAMA DAN FALSAFAH DI JEPUN

## Perkembangan dan Pengaruh Terhadap Pemikiran Orang Jepun

FAEZAH KASSIM



Universiti Malaysia Sabah

# **AGAMA DAN FALSAFAH DI JEPUN**

# **AGAMA DAN FALSAFAH DI JEPUN**

## **Perkembangan dan Pengaruh Terhadap Pemikiran Orang Jepun**

**FAEZH KASSIM**

**Universiti Malaysia Sabah  
Kota Kinabalu**

**2004**

© Universiti Malaysia Sabah, 2003  
First published / Terbitan pertama, 2003

Semua hak terpelihara.  
Tiada mana-mana bahagian daripada  
penerbitan ini boleh disimpan atau diterbitkan semula  
atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara jua  
sekalipun termasuk cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman  
digital, tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit  
Universiti Malaysia Sabah. Keizinan mendapat hak  
terbitan daripada hak cipta ini tertakluk kepada  
bayaran royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Faezah Kassim

Agama dan falsafah di Jepun : perkembangan dan pengaruh terhadap  
pemikiran orang Jepun / oleh Faezah Kassim.

ISBN 983-2641-04-7

1. Japan -- Religion. 2. Philosophy, Japanese. 3. Civilization, Japanese.

I. Judul.

200.952

Editors : Dr. Jason Lim Miin Hwa  
Abd. Hakim b. Mohad

Published in Malaysia by / Diterbitkan di Malaysia oleh  
PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
Locked Bag 2073, 88999 Kota Kinabalu,  
Sabah, Malaysia.

*Printed in Malaysia by / Dicetak di Malaysia oleh*  
PERCETAKAN PENDALAMAN KENINGAU (PMS/UPK/000-002026)  
Lot 26, Phase 1, HSK Industrial Centre, Penampang.  
Tel: 088-716934, 713125 Fax: 088-723725

## **PENGHARGAAN**

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya, monograf ini akhirnya dapat diterbitkan. Beberapa pihak telah terlibat secara langsung menjayakan kelahiran monograf ini. Saya berterima kasih kepada pelbagai pihak yang banyak membantu sepanjang tempoh menulis, memperbaiki dan proses penerbitannya. Tanpa bantuan daripada kesemua pihak tersebut, sukar untuk saya menyelesaikan proses ini. Pertama sekali buat En. Azhar Mad Aros, Dr. Ho Hui Ling, En. Wahid Jais, Pn. Asmiaty Amat, Dr. Jason Lim Miin Hwa dan En. Abd. Hakim yang membimbing dan memberi komen untuk menjadikan monograf ini lebih baik. Penghargaan ini juga ditujukan buat semua bekas pelajar dan pensyarah di Pusat Pengajian Peradaban (tahun 1998-2000) Universiti Malaya yang banyak membantu.

Saya merakamkan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah dan tidak dilupakan Prof. Ahmat Adam, Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa serta Jawatankuasa Penerbitan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa kerana memberi peluang untuk penerbitan monograf ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa yang banyak memberi galakan dan kerjasama secara langsung atau tidak dalam penulisan ini.

Akhir sekali, buat kedua ibu bapa, suami dan anak-anak yang sentiasa berdoa dan sabar dalam memberi ruang untuk saya menyelesaikan penerbitan ini.

**Terima kasih**

**Faezah Kassim  
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah**

## **Prakata**

Kajian ini merupakan satu usaha menghuraikan satu daripada aspek tamadun Jepun dengan lebih mendalam iaitu aspek agama dan falsafah. Aspek ini dipilih kerana orang Jepun sering dikatakan bangsa yang tidak mempunyai pegangan agama. Mereka dianggap bangsa yang hanya berpegang pada nilai dan norma yang menjadi panduan dan peraturan hidup mereka. Hakikatnya, nilai dan norma yang dipunyai oleh mereka berasal daripada agama dan falsafah yang terdapat di Jepun. Nilai dan norma bermula dari pemikiran sesebuah masyarakat. Untuk memahami nilai dan pemikiran sesuatu masyarakat perlu difahami terlebih dahulu agama dan falsafah masyarakat tersebut. Orang Jepun mempunyai pemikiran yang tersendiri hingga mampu menjadikan bangsa tersebut maju dengan identiti mereka sendiri meskipun sebahagian besar daripada ilmu pengetahuan diambil dari tamadun barat terutamanya semasa pemerintahan Meiji dan selepasnya.

Kajian ini cuba menjelaskan bahawa orang Jepun masih mempunyai agama dan berpegang pada falsafah tertentu. Namun begitu cara mereka mengamalkannya adalah dengan cara tersendiri. Agama dan falsafah dilihat berlandaskan kepada kepentingan agama dan falsafah tersebut dalam kehidupan mereka. Agama dan falsafah lebih diperlukan berdasarkan kepada fungsi-fungsinya iaitu mestilah memenuhi keinginan dan kehendak mereka dari segi rohani dan fizikal.

Perbincangan mengenai perkembangan zaman-zaman pemerintahan yang terdapat dalam tamadun Jepun ditambah kemudian dalam penulisan ini setelah diperbaiki dan mendapat komen daripada beberapa pihak. Zaman-zaman pemerintahan yang dibincangkan bermula dari peringkat budaya Jomon dan Yayoi hingga ke zaman pemerintahan Showa. Perkembangan zaman pemerintahan dibincang dari peringkat budaya kerana ketika itu didapati telah ada satu bentuk kepercayaan animisme yang dipercayai merupakan asal usul agama Shinto. Perkembangan hingga zaman Showa pula kerana agama-agama baru yang terkemudian telah menjadi organisasi yang mantap dan diiktiraf oleh pihak pemerintah ketika itu. Setiap daripada zaman pemerintahan mempunyai sejarahnya tersendiri terhadap perkembangan agama dan falsafah di Jepun.

Pemerintahan yang berbeza mempunyai dasar masing-masing terhadap kedudukan agama dan falsafah. Dasar-dasar mereka bergantung kepada kepentingan pengukuhan kedudukan politik dan penyekatan pergerakan rakyat. Walau bagaimanapun, dasar ini juga memberi manfaat kepada perkembangan agama dan falsafah di Jepun kerana setiap daripadanya mempunyai peluang untuk mengembangkan pengaruh dan ajaran masing-masing ketika diberi perlindungan dan sokongan oleh pihak pemerintah tertentu.

Perkembangan setiap daripada agama dan falsafah dihuraikan dengan lebih terperinci pada bahagian seterusnya. Ajaran dan idea-idea pemikiran dan asal usul setiap agama dan falsafah dibincangkan. Dari sini, para pembaca dapat melihat perubahan-perubahan yang berlaku kepada agama dan falsafah tersebut setelah melalui beberapa zaman pemerintahan dan juga kerana berlaku perubahan kepada kepimpinan organisasi agama dan falsafah tertentu. Selain itu, pertembungan dengan berbagai pemikiran sama ada yang sedia ada di Jepun atau yang datang dari tamadun asing telah menjadi penyebab kepada perubahan tersebut. Apa yang pasti, setiap daripada perubahan yang berlaku adalah berdasarkan kepada penyesuaiannya dengan kehidupan dan pemikiran orang Jepun. Oleh sebab itu, istilah 'dijepunkan' kerap ditemui dalam penulisan mengenai perkembangan perubahan agama dan falsafah.

Kesan daripada perkembangan tamadun dan penyebaran serta penerimaan terhadap agama dan falsafah ini telah mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku orang Jepun. Beberapa ciri pemikiran orang Jepun yang menonjol diketengahkan. Setiap daripada pemikiran orang Jepun yang disentuh dapat dilihat dipengaruhi oleh lebih daripada satu agama dan falsafah. Ini juga merupakan antara ciri menarik orang Jepun yang tidak berpegang kepada hanya satu agama sahaja. Agama dan falsafah yang pelbagai di Jepun sejak zaman berzaman telah bercampur aduk membentuk pemikiran orang Jepun.

Selain itu, sumbangan agama dan falsafah dari perspektif yang lebih luas dikaji pada bahagian akhir. Tiga aspek yang dikaji iaitu politik, sosial dan ekonomi. Nilai-nilai ajaran agama dan falsafah yang terserap dalam pemikiran orang Jepun sebenarnya membantu kepada perkembangan politik, sosial dan ekonomi mereka.

## **Abstrak**

Jepun merupakan sebuah negara maju yang terkenal di seluruh dunia. Sebuah negara Asia pertama yang berjaya menempa kejayaan di dalam bidang inovatif dan ekonomi. Diakui bahawa bangsa ini mempunyai ciri-ciri pemikiran yang cuba dicontohi oleh bangsa-bangsa lain dalam cita-cita untuk mencapai kemajuan seperti mananya kini. Kajian ini merupakan satu usaha untuk mengemukakan sejauh mana agama dan falsafah di Jepun mempengaruhi pemikiran mereka. Perkembangan agama dan falsafah di Jepun dihuraikan bagi melihat kedudukan kedua-dua aspek tersebut dan untuk mengetahui penerimaan orang Jepun terhadapnya. Melalui perkembangan agama dan falsafah ini juga dapat dilihat bagaimana ia diterima masuk dan berperanan dalam pemikiran dan kehidupan orang Jepun. Ciri-ciri pemikiran yang dikemukakan hanyalah yang benar-benar menonjol dan dianggap unik oleh bangsa lain. Serba sedikit daripada impak ciri-ciri pemikiran ini terhadap ketamadunan Jepun juga dibincangkan iaitu kesan-kesannya dari aspek sosial, ekonomi dan politik.



# Kandungan

<b>Halaman Judul</b>	<b>Muka Surat</b>
Penghargaan	v
Prakata	vii
Abstrak	ix
Kandungan	xi
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
Negara dan Penduduk Jepun	1
Latarbelakang Zaman Pemerintahan di Jepun	3
Era Nara	4
Era Heian	4
Era Kamakura	5
Era Ashikaga	6
Sengoku Jidai	7
Era Kesyogunan Tokugawa	8
Era Meiji	9
Era Taisho	11
Era Showa	11
Kesimpulan	12
<b>BAB 2 WELTANSCHUUNG AGAMA DAN FALSAFAH     ORANG JEPUN</b>	<b>15</b>
Pendahuluan	15
Asal-usul Kepercayaan dan Agama Orang Jepun	17
Weltanschauung Agama Orang Jepun	20

Kesimpulan	22
<b>BAB 3 PERKEMBANGAN AGAMA DAN FALSAFAH DI JEPUN</b>	<b>23</b>
Pendahuluan	23
Agama Shinto	23
Perkembangan Agama Shinto	25
Agama Buddha	28
Perkembangan Agama Buddha di Jepun	29
Taoisme	33
Perkembangan Taoisme di Jepun	33
Konfusianisme	35
Perkembangan Konfusianisme di Jepun	37
Agama Kristian (Kirisutokyo)	38
Perkembangan Agama Kristian di Jepun	39
Agama-agama Baru	41
Perkembangan Agama-agama Baru	42
Agama Islam	45
Perkembangan Agama Islam di Jepun	45
Kesimpulan	47
<b>BAB 4 PENGARUH AGAMA DAN FALSAFAH TERHADAP PEMIKIRAN ORANG JEPUN</b>	<b>51</b>
Pendahuluan	51
Definisi Pemikiran	52
Ciri-ciri Pemikiran Orang Jepun Serta Pengaruh Agama dan Falsafah	52

Hirarki	54
Berkumpulan	59
Penyesuaian Diri dan Menurut Arahan	62
Pencapaian Kejayaan dan Hubungan Interpersonal	64
Alasan dan Perasaan	66
Bunuh Diri	67
Kebersihan dan Menghormati Alam Semulajadi	70
 Kesimpulan	 73
 <b>BAB 5 SUMBANGAN AGAMA DAN FALSAFAH KEPADA TAMADUN JEPUN</b>	  75
 Pendahuluan	 75
 Sumbangan Agama dan Falsafah: Aspek Sosial	 75
 Sumbangan Agama dan Falsafah: Aspek Politik	 80
 Sumbangan Agama dan Falsafah: Aspek Ekonomi	 83
 Kesimpulan	 86
 <b>BAB 6 KESIMPULAN</b>	 87
 <b>BIBLIOGRAFI</b>	 91
 <b>INDEKS</b>	 99